

CAKAR COKLAT
Chestnut-eared Bunting

FAMILI: Emberizidae
NAMA SAINTIFIK: *Emberiza fucata*

CIRI-CIRI

Semasa musim membiak, spesies jantan mempunyai bulu yang berwarna kelabu. Bahagian atas kepala serta belakang tengkuk berwarna hitam yang berjalur-jalur halus. Bahagian telinga dan bahagian penyambung sayap berwarna kemerahan dan mempunyai jalur hitam yang agak lebar di bahagian dada. Bahagian bawah tengkuk berwarna putih dan kemerahan merentasi bahagian bawah dada. Bulu pada bahagian luar ekor berwarna putih. Di luar musim membiak pula, burung ini lebih menyerupai spesies betina tetapi ianya mempunyai bulu kebing yang berwarna pucat. Bahagian bawah tengkuk dan dada berwarna putih di mana warna pada bahagian rusuk dan perut lebih pucat. Spesies betina mempunyai bulu seperti bulu spesies jantan semasa musim membiak tetapi bahagian atas kepala dan belakang tengkuk berwarna coklat, bulu kebing yang berwarna putih dan mempunyai jalur yang kurang jelas pada bahagian dada. Anak burung ini mempunyai bulu yang lebih pudar dari spesies betina. Bahagian telinga berwarna coklat kekelabuan di mana bahagian tengah agak pudar dan mempunyai sempadan berjalur hitam yang agak lebar. Bahagian sisi atas kepala mempunyai jalur gelap dan jalur pudar yang sempit pada bahagian tengah kepala. Bulu kebingnya berwarna putih. Bahagian atas sayap berwarna coklat kekelabuan dan bahagian dada berwarna pudar, berbintik atau berjalur-jalur kecil. Bahagian tongkeng dan atas ekor berwarna kuning tanah keperangan. Burung ini mempunyai saiz di antara 15-16 sm.

MAKANAN

Ia memakan biji-bijian dan juga serangga.

HABITAT

Spesies ini dijumpai di kawasan luas dan terbuka, kawasan hutan pokok renek, kawasan jelapang padi, kawasan semak dan belukar, sehingga ke ketinggian 1,890 dari aras laut.

BUNYI

Burung ini menghasilkan bunyi berdecit yang berulang, bermula dengan nota satu-persatu dan berakhir dengan nota yang berganda *zwee zwizwezwizizi trup-trup* atau *zip zizewuzi-wiziriri chupee churup*. Kadangkala mengeluarkan bunyi yang kuat *pzick*.

PEMBIAKAN

Musim membiak adalah pada bulan Mei hingga Ogos di mana sarang yang dibina berbentuk seperti cawan di atas permukaan tanah dan agak tersembunyi. Burung ini menghasilkan telur sebanyak 3-5 biji berwarna putih kekuningan atau putih kehijauan, berbintik dan kadangkala berjalur merah pudar. Telur ini berukuran 19.9 x 15.6 mm.